


PROGRAM LEAN SIX SIGMA

Sime Darby yakin raih RM775 juta



Razali (enam dari kiri), Mohd Bakke (tujuh dari kiri) dan Azman Shah (lima dari kanan) bersama pasukan Carey Owl Knights selepas

» **RM400 juta manfaat terkumpul sejak 3 tahun**

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Sime Darby Bhd optimis mampu mencapai sasaran untuk meraih jumlah manfaat terkumpul RM775 juta menjelang tahun kewangan 2016/2017 menerusi pelaksanaan program Lean Six Sigma (LSS).

Program yang diperkenalkan konglomerat itu pada 2013 adalah strategi pengurusan perniagaan untuk meningkatkan pendapatan, mengurangkan kos dan meningkatkan

kualiti produk menerusi pembuangan sisa, kecacatan dan kesilapan.

Ketua Kecemerlangan Operasi Sime Darby, Azman Shah Mohamed Noor, berkata dalam tempoh tiga tahun pelaksanaan program itu, pihaknya sudah mencatatkan jumlah manfaat lebih RM400 juta.

Penjimatan kewangan

Katanya, program itu dilaksanakan secara menyeluruh merentasi semua bahagian perniagaan kumpulan yang membabitkan kumpulan pekerja yang terlatih dan bermotivasi melaksanakan projek mengikut set langkah mencapai sasaran khusus dalam penjimatan kewangan.

“Berdasarkan prestasi semasa, kami yakin mampu mencapai sasaran jumlah manfaat terkumpul RM775 juta lebih awal,” ka-

tanya selepas majlis penyerahan bendera Malaysia kepada Pasukan Sime Darby dikenali Carey Owl Knights di Kuala Lumpur, semalam.

Pasukan itu akan mewakili Malaysia di Pertandingan Anugerah Pasukan Antarabangsa Cemerlang (ITEA) ASQ 2016 yang diadakan sempena Persidangan Dunia mengenai Kualiti dan Kemajuan (WCQI) di Wisconsin, Amerika Syarikat, bermula 16 hingga 18 Mei ini.

Pada majlis itu, turut diadakan penyampaian Anugerah Juara Industri bagi Produktiviti, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) kepada Sime Darby oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) serta penyampaian penghargaan kepada Azman Shah berikutan sumbangan beliau terhadap pembentukan Pelan Hala Tuju Produktiviti Nasional.